

SIARAN MEDIA

5 Disember 2017
UNTUK SIARAN SEGERA

CYBER HEROES 2017 CUNGKIL BAKAT PELAJAR IPT MENGENAI PERTAHANAN SIBER

KUALA LUMPUR (5 Disember 2017) - CyberSecurity Malaysia dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta Standard Chartered Bank (SCB) mengadakan Pertandingan Cyber Heroes 2017 bagi mencungkil bakat-bakat baharu mengenai pertahanan siber.

Pertandingan selama dua hari bermula pada 4 dan 5 Disember 2017 ini melibatkan pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi tempatan. Seramai 20 pasukan terdiri daripada 77 pelajar dari 11 universiti di seluruh Malaysia telah menyertai pertandingan yang berlangsung di UKM ini.

“Pertandingan ini merupakan platform untuk menggalakkan pembudayaan keselamatan siber dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi di Malaysia agar mereka menjadi warga digital yang bertanggungjawab terutama apabila berada di alam siber.” kata Dato’ Dr. Haji Amirudin Abdul Wahab, Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia.

Ujar beliau lagi, “melalui pertandingan ini, kita dapat memupuk kesedaran generasi muda mengenai kepentingan pertahanan siber terutama sewaktu berlakunya sesuatu serangan siber seperti penggodaman. Selain itu, kita juga mahu menerapkan fahaman kepada mereka bahawa pertahanan siber adalah lebih utama dari aktiviti penggodaman.”

Sewaktu pertandingan, para peserta perlu mempertahankan aset kritikal mereka daripada serangan siber. Mereka perlu mengenalpasti dan mengambil langkah bagi mengurangkan serangan tersebut, memelihara bahan bukti, menganalisa kejadian serta mencadangkan tindakan pencegahan yang perlu diambil sebagai persediaan menghadapi ancaman siber di masa hadapan.



Securing Our Cyberspace



CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013
CERT. NO.: AR 4656

CyberSecurity Malaysia
(726630-U)



MS ISO/IEC 17025

TESTING &

SAFETY LABORATORY

(MySEF LABORATORY)



Malaysia
Status Company

Best Credit Online
Protection Website

T +603 8992 6888
F +603 8992 6841
H 1 300 88 2999

Corporate Office:
Level 5, Sapura@Mines
No 7, Jalan Tasik
The Mines Resort City
43300 Seri Kembangan
Selangor Darul Ehsan
Malaysia.

www.cybersecurity.my

Selain mencungkil bakat-bakat baharu dalam kalangan generasi muda di Malaysia mengenai pertahanan siber, pertandingan Cyber Heroes juga memberi pendedahan dan menyemai pengetahuan mengenai bidang forensik kepada para pelajar agar dapat bersiapsiaga dalam menghadapi ancaman serta krisis siber dan dalam masa yang sama memastikan agar bahan-bahan bukti tersedia untuk tujuan penyiasatan.

Uniknya pertandingan ini juga ialah di mana ia turut membuka ruang kepada bakat-bakat muda dengan kemahiran keusahawanan, di mana mereka turut diberi pendedahan mengenai kaedah transformasi skil keselamatan siber kepada peluang perniagaan dalam industri keselamatan siber.

Pada pertandingan ini, juara keseluruhan disandang oleh Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), tempat kedua Universiti Teknologi MARA (UiTM) manakala tempat ketiga pula oleh Asia Pacific University (APU). Penjurian dan pemarkahan dilakukan oleh pihak-pihak yang berkolaborasi termasuk MDEC yang menilai setiap pasukan dari sudut keusahawanan. Para pemenang telah membawa pulang hadiah-hadiah menarik bernilai RM20,000.

~ Tamat ~

For additional information, visit our website at <http://www.cybersecurity.my> and for general inquiry,
email to info@cybersecurity.my.

Stay connected with us on social networks: facebook/ CyberSecurityMalaysia,
twitter/cybersecuritymy, youtube/cybersecuritymy, instagram/CyberSecurity_Malaysia.

For further enquiries about this document, please email: media@cybersecurity.my or call +603-
89926888, Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext: 6978) / Zul Akmal Abdul Manan (ext: 6945)